

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN PENDUDUK
DALAM PROGRAM PELAN TINDAKAN DESA

NURUL HAFIZAL BINTI MOHD RAZALI

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Penglibatan penduduk merupakan satu aspek penting didalam pembangunan luar bandar dimana ianya merupakan fokus utama didalam pelaksanaan pelan tindakan desa. Penyelidikan ini memberi fokus kepada masalah penglibatan penduduk yang tidak menyeluruh dalam penyediaan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Desa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penglibatan penduduk serta faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk dalam Pelan Tindakan Desa. Kajian dilakukan menggunakan teknik pengagihan borang soal selidik dari rumah ke rumah, teknik temubual bersama ketua kampung serta beberapa orang penduduk serta pemerhatian secara rambang bagi melihat persekitaran fizikal kawasan kajian. Analisis kruskal wallis digunakan bagi melihat penglibatan penduduk didalam program pelan tindakan desa didalam dua peringkat iaitu peringkat penyediaan dan pelaksanaan. Hasil penemuan analisis menunjukkan terdapat dua faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk diperingkat penyediaan pelan tindakan desa iaitu faktor tahap pendidikan dan penglibatan didalam pertubuhan kawasan kampung. Ujian kruskal wallis terhadap faktor penglibatan penduduk diperingkat pelaksanaan juga mendapati bahawa terdapat tujuh faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk diperingkat pelaksanaan program pelan tindakan desa iaitu faktor pekerjaan utama, pemilikan kenderaan, tempoh masa bekerja, lokasi dan jarak tempat bekerja, bilangan hari bekerja serta penglibatan penduduk didalam pertubuhan dikawasan kampung. Berasaskan kepada penemuan analisis, pembentukan cadangan penyelesaian untuk meningkatkan penglibatan penduduk juga dibuat seperti meningkatkan tahap kesedaran penduduk mengenai kepentingan pelan tindakan, penyampaian maklumat secara menyeluruh kepada penduduk serta mendapatkan sokongan agensi daripada luar dalam pelaksanaan program pelan tindakan bagi memastikan kelangsungan cadangan program yang dibentuk seterusnya meningkatkan pembangunan dikawasan kampung

ABSTRACT

Participation is an important aspect in rural development and it has become a major focus in the implementation of village action plan. This research focuses on the problem of the participation of people who do not complete the preparation and implementation of Rural Action Plan. The objective of this study was to determine the level of participation and residents factors affecting the participation of residents in the Village Action Plan. Studies were conducted using the distribution of questionnaires from house to house, interview techniques with the village chief and some other people as well as random observations to see the physical environment of the study area. Kruskal Wallis analysis used to identify the participation of people in the village action plan program in two levels, namely the preparation and implementation. A result of the analysis shows there are two factors that affect participation at the population of the village action plan preparation factors and education level of participation in rural organizations. Kruskal Wallis test for the participation of people shows that have seven factors that influence the participation of people at the implementation village action plan where the main factor is is employment, ownership of vehicles, working time, location and distance work, the number of days worked and the involvement of residents in establishments in the area villages. Based on the findings of the analysis, the formation of the proposed resolution to increase the participation of the population is made such as increasing the awareness of people about the importance of the action plan, a comprehensive information service to people and get support from external agencies in the implementation of action plans to ensure continuity of the proposed program designed to increase village development area